اين ساتو ريساله يغ كچيل ڤد بچارا علم توحيد
سوسونن حاج هاشيم بن حاج محمد خادم
الطلبة بمدرسه الخيرية
الاسلامية ڤوكوء سنا
كڤلا باتس سبرڠ
ڤراي ڤولو
ڤينڠ

Ini Satu Risalah Yang Kecil Pada Bicara Ilmu Tauhid
Susunan Haji Hashim Bin Haji Muhammad Khadam
Pelajar Madrasah Al-Khairiyah
Al-Islamiyah Pokok Sena
Kepala Batas Seberang
Perai Pulau
Pinang

Pengalihan Jawi Kepada Rumi Serta Disusun Semula Oleh:
Hamba Allah Yang Dhoif Lagi Hina
Muhamad Rauf bin Minhat

Muqaddimah

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين، والصلاة والسلام على سيد المرسلين، وعلى آله وصحبه أجمعين.

Adapun kemudian daripada itu, maka setengah daripada yang wajib atas tiap-tiap mukallaf mengetahui akan dia itu, iaitu:

Bahagian Sifat	Sifat Yang Wajib Bagi Allah	Ertinya	Lawannya Yang Mustahil
Sifat Nafsiyah (1)	Wujud	Ada	Tiada
Sifat Salbiyah (5)	Qidam	Sedia	Baharu
	Baqa’	Kekal	Fana’
	Mukhalafatuhu Ta’ala Lil Hawadits	Bersalahan Allah ﷻ bagi segala yang baharu	Bersamaan bagi segala yang baharu
	Qiyamuhu Ta’ala Binafsih	Berdiri Allah ﷻ dengan sendiriNya	Berdiri dengan yang lainNya
	Wahdaniyah	Esa Allah ﷻ	Berbilang
Sifat Ma’ani (7)	Qudrah	Kuasa	Lemah
	Iradah	Berkehendak	Tiada berkehendak
	‘Ilmu	Mengetahui	Jahil
	Hayah	Hidup	Mati
	Sama’	Mendengar	Tuli
	Basor	Melihat	Buta
	Kalam	Berkata	Kelu
Sifat Ma’nawiyah (7)	Kaunuhu Ta’ala Qadiran	KeadaanNya Yang Kuasa	KeadaanNya yang lemah
	Kaunuhu Ta’ala Muridan	KeadaanNya yang berkehendak	KeadaanNya yang tiada berkehendak
	Kaunuhu Ta’ala ‘Aliman	KeadaanNya Yang Mengetahui	KeadaanNya yang jahil
	Kaunuhu Ta’ala Haiyan	KeadaanNya Yang Hidup	KeadaanNya yang mati
	Kaunuhu Ta’ala Sami’an	KeadaanNya Yang Mendengar	KeadaanNya yang tuli
	Kaunuhu Ta’ala Bashiran	KeadaanNya Yang Melihat	KeadaanNya yang buta
	Kaunuhu Ta’ala Mutakalliman	KeadaanNya Yang Berkata-Kata	KeadaanNya yang kelu
Sifat Yang Harus Bagi Allah ﷻ (1)		Ertinya	
فِعْلُ مُمْكِنٍ أَوْ تَرْكُهُ		Berbuat tiap-tiap mumkin atau meninggal akan dia	

Sifat-Sifat Allah Yang Wajib Diketahui Setiap Mukallaf

Pertama: Wujud

Dalil Naqli Bagi Wujud Allah ﷻ. Firman Allah ﷻ:

خَلَقَ ٱللَّهُ فِي ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ

Ertinya: "Telah menjadi oleh Allah ﷻ akan tujuh petala langit dan bumi."

Dalil 'Aqli Bagi Wujud Allah ﷻ:

Maka iaitu baharu alam ini. Kerana bahawasanya jikalau tiada ada baginya orang yang membaharu akan dia tetapi baharu ia dengan sendirinya, nescaya lazimlah bahawa ada salah satu daripaa dua pekerjaan yang bersamaan keduanya. Bersamaan ia bagi taulannya, lagi lebih ia atas taulannya dengan tiada sebab. Dan iaitu mustahil.

Kedua: Qidam

Dalil Naqli Bagi Qidam Allah ﷻ. Firman Allah ﷻ:

هُوَ ٱلْأَوَّلُ وَٱلْأَخِرُ

Ertinya: "Ia-lah yang awal dan yang akhir."

Dalil 'Aqli Bagi Qidam Allah ﷻ:

Maka kerana bahawasanya jikalau tiada ia qidam, nescaya adalah ia baharu. Dan jikalau ada ia baharu, nescaya berkehendak kepada orang yang membaharu akan dia. Maka lazim jadi daur atau tasalsul. Maka daur dan tasalsul itu mustahil.

Ketiga: Baqa'

Dalil Naqli Bagi Baqa' Allah ﷻ. Firman Alah ﷻ:

وَيَبْقَىٰ وَجْهُ رَبِّكَ ذُو ٱلْجَلَـٰلِ وَٱلْإِكْرَامِ ﴿٢٧﴾

Ertinya: "Dan kekal oleh zat Tuhan engkau (hai Muhammad), Tuhan yang mempunyai Kebesaran dan Kemuliaan.

Dalil 'Aqli Bagi Baqa' Allah ﷻ:

Maka kerana bahawasanya jikalau tiada wajib bagi Allah ﷻ baqa', nescaya dapat dihubungi akan Dia oleh 'adam. Tetapi dapat dihubungi akan Dia oleh 'adam itu mustahil. Kerana bahawasanya jikalau dapat dihubungi akan Dia oleh 'adam, nescaya nafi daripadaNya qidam. Tetapi nafi daripadaNya qidam itu mustahil, kerana barang yang telah terdahulu daripada wajib qidam bagi Allah ﷻ.